

21 FEB 1998

DR MAHATHIR RASMI MESYUARAT AGUNG PPP

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan mesyuarat agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru), komponen Barisan Nasional (BN), di Pusat Islam di sini pagi ini.

Mesyuarat itu yang dihadiri lebih daripada 1,800 perwakilan dijangka memberi tumpuan kepada krisis kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini.

Ia dijangka meluluskan satu resolusi menyokong Perdana Menteri dan kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha mengatasi masalah itu.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan para pemimpin parti komponen BN yang lain.

PPP yang kini dipimpin oleh Presiden Datuk M.Kayveas mempunyai 141,000 anggota -- BERNAMA

AZZ MAM RON